

Galak gunakan kad konsesi Prasarana

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Mahasiswa terutama di sekitar Lembah Klang disaran menggunakan perkhidmatan yang disediakan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) termasuk Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan (LRT) serta Bas Rapid Transit (BRT) bagi menikmati penjimatan sebanyak 50 peratus bagi setiap perjalanan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pengangkutan awam bukan sahaja akan menjimatkan masa dan mengurangkan perbelanjaan mereka, malah mahasiswa dapat menikmati pengangkutan yang sangat selesa.

“Mahasiswa boleh memohon kad konsesi di stesen yang terpilih dan selepas ini mereka boleh menggunakan pengangkutan awam dengan harga yang sangat rendah.

“Penggunaan kad ini bukan sahaja akan meringankan beban mereka malah mahasiswa boleh mengulang kaji pelajaran dalam keadaan yang selesa sepanjang perjalanan,” katanya ketika sidang akhbar selepas menyertai Program Jelajah MRT di sini hari ini.

Terdahulu, Idris bersama kira-kira 300 mahasiswa dan pengu- rusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menaiki MRT dari Stesen Tun Razak Exchange (TRX) menghala ke Stesen Kajang

sebagai simbolik program Jelajah MRT Mahasiswa bersama KPT.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPT, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur serta Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn. Bhd., Datuk Ir. Zohari Sulaiman.

Idris menjelaskan, kad konsesi itu diberikan kepada mahasiswa sebagai usaha untuk mendidik mereka untuk menggunakan pengangkutan awam.

“Sekarang kita didik mereka menggunakan pengangkutan awam ketika sedang bergelar mahasiswa mungkin selepas ini mereka akan terus menggunakan perkhidmatan tersebut apabila sudah bekerja,” katanya.



IDRIS JUSOH (tengah) menyerahkan kad MyRapid Pelajar kepada Aida Fitri Peli sambil diperhatikan mahasiswa Universiti Putra Malaysia dalam Program Jelajah MRT di Stesen MRT Kajang, semalam. - UTUSAN/GHAZALI BASRI